

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY [BACHOK]**
TARIKH : **9 APRIL 2014 (RABU)**
SOALAN : **TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah permohonan baja subsidi yang ditolak akibat borang tidak lengkap bagi setiap mukim di Kelantan. Pada bahagian manakah borang yang diisi tidak lengkap dan apakah usaha Kerajaan dalam menangani permasalahan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan mempunyai dasar yang jelas dalam pemberian subsidi dan insentif kepada industri padi dan beras di mana semua pengusaha padi di seluruh negara yang berjumlah lebih kurang 288 ribu orang yang melibatkan keluasan kawasan seluas 321,600 hektar layak menerima bantuan tersebut. Berhubung isu pengusaha padi di kawasan negeri Kelantan yang tidak mendapat bantuan baja subsidi, jumlah permohonan yang ditolak adalah sebanyak 75 permohonan. Permohonan mereka tidak dapat diluluskan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) dan Jawatankuasa Penapis Subsidi Baja Pertubuhan Peladang Kawasan disebabkan borang permohonan tidak lengkap. Kesemua permohonan berkenaan tidak lengkap kerana tidak ditandatangani di bahagian G: iaitu Sokongan daripada Pengerusi JK KK / JK KK(P) / Ketua PPM. Manual Pelaksanaan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) menetapkan setiap permohonan baru dan pendaftaran sediaada untuk mendapatkan subsidi baja hendaklah disokong dan disahkan oleh Pengerusi JK KK / JK KK(P) dan ia selari dengan Pekeliling Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA) Bil. 2/2009 bertarikh 28 April 2009. Kerajaan kini sedang dalam usaha meminda pekeling tersebut bagi memudahkan proses permohonan baja subsidi tersebut.